

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082-473473
Faks : 082-473478
Laman Web : jpnsarawak.moe.gov.my

Ruj. Tuan : PPKomp/21/14
Ruj. Kami : JPNSW.SPPK.KK. 600-3/4/21 Jld.6 (38)
Tarikh : 18 Mac 2021

Puan Fatihah Binti Mustafa
Fatihah Education Consultants
No 5, Medan Niaga Ayer Baloi
Jalan Benut-Jelutong
82100 Ayer Baloi
Johor

Tuan,

PERMOHONAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DI SARAWAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNS mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kurikulum di negeri ini.
3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baru. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi murid menyertai program **Pertandingan Pengaturcaraan Komputer (PPKOMP) 2021** yang akan dilaksanakan bermula **1 Mac hingga 3 Julai 2021**. Walau bagaimanapun, kebenaran dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada surat pekeliling / surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:

- 4.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018** – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;

...2/-

- 4.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016** – Panduan Keselamatan Semasa Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah;
- 4.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2011** – Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;
- 4.4 **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/1010** – Garis Paduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;
- 4.5 **Standard Operating Procedure (SOP) Pembukaan Sektor Sukan dan Rekreasi** yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 4.6 **Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum, KPM** berkaitan langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19.

5. Sehubungan dengan itu juga, pihak tuan perlu memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat berkaitan program ini di samping mengamalkan **delivery improvement** Kementerian Pendidikan Malaysia yang antaranya adalah seperti berikut:

- 5.1 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 5.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga dan di bawah pengetahuan pihak pentadbir sekolah;
- 5.3 Murid-murid dan pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan untuk terlibat dalam program ini;
- 5.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak;
- 5.5 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tidak menganggu lain-lain program yang telah dirancang oleh sekolah, PPD, JPN dan KPM;
- 5.6 **Penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan;**
- 5.7 Pihak tuan disaran untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram / aplikasi lain seperti; MEET/ Zoom/ Skype yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya);
- 5.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid dan guru yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 5.9 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak tuan dimohon memastikan agar kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung seperti membersihkan kawasan;
- 5.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat;

- 5.11 Pihak pengajur dimohon mengemukakan permohonan untuk tujuan pengiktirafan program bagi markah kokurikulum ke jabatan, bagi program peringkat negeri dan ke Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), KPM bagi program peringkat kebangsaan/antarabangsa dengan menyediakan dokumen seperti berikut:
- Surat kelulusan program daripada KPM/JPN;
- 5.11.1 **Salinan laporan program** dalam bentuk *soft copy* mengikut format **Lampiran 1** yang dilampirkan bersama-sama surat ini dalam **tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 5.11.2 Permohonan ke jabatan hendaklah dihantar ke alamat e-mel ukksarawak@gmail.com.
- 5.12 Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada **31 Disember 2021**. **Sehubungan dengan itu, pengajur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2021**; dan
- 5.13 **Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.**


6. Surat kebenaran ini hanya untuk pihak **Fatihah Education Consultants** yang akan menganjurkan program **Pertandingan Pengaturcaraan Komputer (PPKOMP) 2021** yang akan dijalankan mulai **1 Mac hingga 3 Julai 2021 sahaja**. Sebarang permohonan kebenaran baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Sebarang pertanyaan berkenaan sokongan program ini, pihak tuan boleh menghubungi Puan Marjolyn Michael di talian 082-473670.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MОРТАДЗА БИН САТ)
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

- s.k 1. Fail Timbul Pengarah Pendidikan Sarawak
 2. Semua Pegawai Pendidikan Daerah


M.M. Achli/fid...Program Orientasi Sains dan Teknologi

**LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)**

- 1.0 Nama Program/Aktiviti
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan
- 3.0 Tempat
- 4.0 Penyertaan (jantina/kaum)
 - 4.1 Penyertaan Murid

Bil	SEKOLAH	DAERAH/ BAHAGIAN	L	P	JANTINA	KAUM	JUMLAH MURID												
							1. MELAYU	2. CINA	3. INDIA	4. IBAN	5. BIDAYUH	6. MELANAU	7. KAYAN	8. KENYAH	9. KELABIT	10. LUN BAWANG	11. BISAYA	12. KAJANG	13. PENAN
1.																			
2.																			
3.																			
4.																			
5.																			
6.																			
7.																			JUMLAH

4.2 Pernyataan Guru

Bil	SEKOLAH	DAERAH/ BAHAGIAN	JANTINA		TUGAS	KAUM		JUMLAH GURU
			L	P		KAUM	KAUM	
1.								
2.								
3.								
4.								
5.								
6.								
7.								
JUMLAH								

5.0 Jadual Pengisian/Pelaksanaan Aktiviti/ Sinopsis Aktiviti

6.0 Peruntukan/Perbelanjaan Yang Diturunkan (***) Jika berkaitan)

7.0 Tetamu Kehormat (VVIP)

8.0 Pemenang (***) Jika berkaitan)

Mengikut format berikut:







- (i) Keputusan keseluruhan
- (ii) Keputusan individu

Bil	Nama murid	Nama sekolah	Pencapaian

9.0 Isu dan Cabaran

10.0 Cadangan Penambahbaikan

11.0 Gambar-gambar aktiviti: (Minimum 4 gambar dan berfokus kepada pelibatan murid sepanjang pertandingan/ program/ aktiviti)



Disediakan Oleh:

Tarikh: